



INDEX KESAHAN KANDUNGAN DAN KESAHAN MUKA : M-SOCRATES-S (MALAY VERSION OF THE STAGES OF CHANGE READINESS AND TREATMENT EAGERNESS SCALE FOR SMOKING CESSATION) DAN M-SSE (MALAY VERSION OF SMOKING SELF EFFICACY)

Mohd Haazik Mohamed, Wanda Kiyah George Albert, Peter Voo Su Kiong, Ismail Maakip
Freddie Robinson

Universiti Malaysia Sabah

Corresponding author's e-mail: haazik@ums.edu.my, haazik.chew@gmail.com

Abstrak

Penilaian terhadap kesediaan berhenti merokok dan efikasi sendiri merokok memainkan peranan yang penting terhadap tindakan dan ketekalan tingkah laku berhenti merokok. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti nilai index kesahan kandungan dan kesahan muka bagi alat ujian M-SOCRATES-S (*Malay Version of the Stages of Change Readiness and Treatment Eagerness Scale for Smoking Cessation*) dan M-SSE (*Malay Version of Smoking Self Efficacy*). Kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti kesesuaian kedua-dua alat ujian ini terhadap golongan perokok di Malaysia. Seramai dua orang pakar bagi kesahan kandungan dan seramai 10 orang perokok telah dipilih bagi kesahan muka. Hasil kajian menunjukkan nilai index S-CVI/UA bagi kesahan kandungan untuk alat ujian M-SOCRATES-S Version adalah 0.95 manakala nilai index S-CVI/Ave adalah 0.98. Nilai index CVI/UA dan S-CVI/Ave bagi kesahan kandungan bagi alat ujian Smoking Self Efficacy-Malay Version pula adalah sama iaitu 1.0. Nilai index S-FVI/Ave bagi kesahan muka untuk alat ujian M-SOCRATES-S Version adalah 0.86 manakala nilai index S-FVI/Ave bagi kesahan muka untuk alat ujian Smoking Self Efficacy-Malay Version pula adalah 0.87. Hasil kajian ini menunjukkan alat ujian S-SOCRATES-Malay Version dan Smoking Self Efficacy-Malay Version mencatatkan nilai index yang baik dan sesuai untuk dijalankan dalam kalangan perokok di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian rintis dalam mengenalpasti kesahan-kesahan lain seperti kesahan konstruk dan analisis penerokaan faktor bagi kedua-dua alat ujian ini adalah diperlukan.

Kata kunci: *Kesediaan berhenti merokok, Efikasi sendiri merokok, kesahan kandungan, kesahan muka*